

Headline **Ladang digital kelapa sawit**
 Date **11. Feb 2009**
 Media Title **Harian Metro**
 Section **Variasi**
 Circulation **336603**
 Readership **2192000**

Language **MALAY**
 Page No **V16**
 Article Size **384** cm2
 Frequency **Daily**
 Color **Full Color**
 AdValue **8264.40**



Ladang digital kelapa sawit



>>Oleh Afiq Hanif
 afiq@hmetro.com.my

MIMOS Berhad (Mimos) dengan kerjasama Felda Agricultural Services Sdn Bhd (FAS) membangunkan teknologi perladangan kelapa sawit baru yang pertama di dunia.

Teknologi perladangan digital merangkumi enam inovasi Mimos termasuk alat pengesanan Sistem Elektro Mekanikal Mikro (MEMS), teknologi semantik, tanpa wayar, perkomputeran grid, keselamatan dan pengetahuan digital.

Ia mampu memberikan perkembangan positif jangka masa panjang bagi industri kelapa sawit termasuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan kaedah penanaman.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, Datuk



METERAL...Wahab (kanan) bertukar MoU dengan Palaniappan sambil diperhatikan Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor (dua dari kiri) dan Pengerusi MIMOS, Datuk Suriah Abdul Rahman.

Abdul Wahab Abdullah, berkata teknologi baru itu mampu mengoptimumkan jangka masa perladangan, menggunakan data diperoleh bagi mengkaji mutu tanaman dan menambah kualiti berdasarkan kajian dibuat.

"Secara tidak langsung, kita mampu memberikan pendidikan kepada peladang berkaitan pengetahuan teknologi dan bukan sekadar bergantung

kepada kudrat masing-masing saja," katanya.

Menurutnya, tumpuan kerjasama itu adalah untuk membina platform pintar berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) masa depan bagi pemantauan jarak jauh dan mengukur keadaan tanah serta tanaman dengan tepat.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif FAS S Palaniappan,

memaklumkan Pusat Perkhidmatan Pertanian Tun Razak di Sungai Tekam, Pahang akan dijadikan perintis teknologi baru terbabit.

"Kami akan melihat hasilnya pada suku pertama tahun ini dan ia akan digunakan di ladang kelapa sawit Felda selepas itu," katanya.

Palaniappan berkata, kerjasama itu akan menunjukkan permulaan baru untuk teknologi

Teknologi baru pertama di dunia mampu optimum jangka masa, tambah kualiti

pertanian apabila pangkalan data digital akan dieksploitasi secara bersepadu untuk menguruskan ladang secara efektif serta dapat memperoleh hasil lebih tinggi.

"Pada masa ini, FAS mempunyai kira-kira 12,000 hektar tanah seluruh negara khusus bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan ladang kelapa sawit.

"Dari jumlah keluasan itu, Pusat Perkhidmatan Pertanian Tun Razak berkeluasan 5,000 hektar adalah pusat terbesar," katanya.

Katanya, selain meningkatkan kadar perahan untuk minyak sawit, teknologi baru itu berupaya mengeluarkan kombinasi baka biji benih baru dan bertindak selaku pengurus proses membuat keputusan dalam pentadbiran ladang.

Tahun lalu, FAS menghasilkan kira-kira 23 juta biji benih yang mana 76 peratus daripadanya dipasarkan kepada pelanggan luar di Malaysia dan Indonesia, selain Felda.